

**PERTUBUHAN ORANG CACAT PENGLIHATAN MALAYSIA
{SOCIETY OF THE BLIND IN MALAYSIA SBM}**

**PERATURAN-PERATURAN SKIM PINJAMAN PEMBELIAN PERALATAN
UNTUK PEKERJA CACAT PENGLIHATAN**

1. Pendahuluan:

Adalah dengan ini diwujudkan satu skim dinamakan Skim Pinjaman Pembelian Peralatan Untuk Pekerja Cacat Penglihatan, (selepas ini disebut Skim) untuk membolehkan ahli-ahli biasa SBM meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pekerjaan..

2. Skim ini bermatlamat:

- a) Skim ini adalah satu cara untuk ahli SBM membeli peralatan yang boleh membantu mereka melakukan tugas dengan lebih cekap dan berdikari.
- b) Membantu ahli yang kurang mampu membeli peralatan secara mudah.
- c) Meningkatkan prestasi di tempat kerja.

3. Pengurusan:

Jawatankuasa Pekerjaan SBM dengan dibantu oleh Pengerusi-pengerusi Cawangan/Kawasan SBM adalah bertanggungjawab ke atas pengurusan dan pelaksanaan Skim ini.

4. Kelayakan memohon:

- a) Telah menjadi ahli biasa SBM sekurang-kurangnya setahun dan telah menjelaskan yuran tahunan sepenuhnya.
- b) Mempunyai pekerjaan.
- c) Tidak mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman Skim ini atau mana-mana Skim lain anjuran SBM.
- d) Tidak dikenakan sebarang denda atau hukuman oleh SBM.
- e) Tidak pernah membawa atau bersubahat untuk membawa SBM ke mahkamah undang-undang tanpa terlebih dahulu menggunakan saluran dalaman yang sah.

5. Cara memohon:

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang permohonan yang disediakan dan dihantar kepada Pengerusi Jawatankuasa Pekerjaan SBM melalui Pengerusi Cawangan/Kawasan SBM.
- b) Permohonan hendaklah disokong oleh Pengerusi Cawangan/Kawasan SBM atau Setiausaha Agung SBM, mana yang berkaitan.

6. Pinjaman:

- a) Bagi setiap permohonan maka berkuasalah Jawatankuasa Pekerjaan SBM meluluskan pinjaman yang bernilai tidak lebih daripada RM3,000.00 (tiga ribu ringgit), atau lain-lain jumlah sebagaimana yang dibenarkan oleh Majlis Presiden SBM.
- b) Dalam menentukan jumlah nilai pinjaman, Jawatankuasa Pekerjaan SBM hendaklah mengambilkira kesesuaian jenis peralatan dengan bidang dan keperluan pemohon. Pemohon mestilah menanggung 20 peratus daripada kos peralatan yang hendak dibeli dan selebihnya dibiayai oleh Skim Pinjaman Pembelian Peralatan SBM tertakluk kepada syarat 6 A di atas.
- c) SBM tidak akan memberi wang tunai kepada peminjam, sebaliknya akan membuat bayaran terus kepada pembekal.
- d) Setiap pinjaman hendaklah dijamin oleh seorang yang berumur tidak kurang dari 21 tahun, warganegara Malaysia dan berpendapatan tetap tidak kurang dari RM750.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Lima Puluh Sahaja) sebulan. Slip penyata gaji atau cukai pendapatan hendaklah disertakan.
- e) Semua pinjaman yang diluluskan di bawah Skim ini adalah tidak dikenakan faedah melainkan sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah melalui proses undang-undang.

7. Dokumen-dokumen yang diperlukan:

- a) Dua salinan borang permohonan yang lengkap.
- b) Salinan kad pengenalan pemohon dan penjamin
- c) Penyata gaji bulanan atau cukai pendapatan pemohon dan penjamin.
- d) Sebutharga peralatan yang hendak dibeli atau sumber-sumber di mana peralatan tersebut boleh diperolehi.

8. Bayaran balik pinjaman:

- a) Tertakluk kepada budi bicara Jawatankuasa Pekerjaan SBM, bayaran balik pinjaman ini hendaklah tidak melebihi tempoh masa 24 bulan dan tidak kurang dari RM60.00 (Enam Puluh Ringgit Malaysia) sebulan.
- b) Bayaran balik pinjaman hendaklah dijelaskan secara bulanan dan, kecuali bayaran untuk bulan pertama, hendaklah tidak lewat dari 7 hari bulan yang berikutnya.
- c) Semua bayaran pinjaman hendaklah dibuat terus kepada Cawangan/Kkawasan SBM atau Bendahari Pusat SBM sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pekerjaan SBM.

9. Pengawasan dan penguatkuasaan:

- a) Peminjam yang gagal membayar balik pinjamannya selama dua bulan berturut-turut akan menerima amaran bertulis yang menerangkan antara lain baki pinjaman yang masih tertunggak.
- b) Sekiranya peminjam masih gagal membayar balik pinjamannya selepas 15 hari dari tarikh amaran pertama dikeluarkan, Pengerusi Jawatankuasa Pekerjaan SBM hendaklah menyampaikan pula amaran bertulis kali kedua yang menerangkan antara lain baki pinjaman yang masih tertunggak serta tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadapnya.
- c) Sekiranya peminjam masih gagal membayar balik pinjamannya selepas 30 hari dari tarikh amaran kedua dikeluarkan, maka berkuasalah Jawatankuasa Pekerjaan SBM mengambil apa-apa tindakan yang sah untuk mendapatkan balik baki pinjaman yang terhutang.
- d) Sekiranya gagal menuntut balik baki pinjaman yang terhutang atau wang yang diperolehi tidak mencukupi untuk menjelaskan hutang tersebut maka bolehlah Pengerusi Jawatankuasa Pekerjaan SBM mencadangkan kepada Majlis Presiden SBM untuk diambil tindakan tatatertib dan/atau tindakan undang-undang yang sah bagi menuntut baki pinjaman yang terhutang itu.

DISEDIAKAN OLEH:

Jawatankuasa Pekerjaan, SBM.

3 Mac 2004

Borang Permohonan Skim Pinjaman Pembelian Peralatan Untuk Pekerja Cacat Penglihatan

Sila teliti peraturan-peraturan skim pinjaman ini terlebih dahulu sebelum mengisi borang permohonan.

Borang ini hendaklah disediakan dalam dua (2) salinan dan dikemukakan bersama dokumen-dokumen yang diperlukan.

Sila gunakan huruf besar semasa mengisi borang. Borang yang lengkap diisi hendaklah dihantar melalui **Pengerusi Cawangan/Kawasan SBM** kepada

**Pengerusi Jawatankuasa Pekerjaan
Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia
40A, Jalan Padang Belia,
50470 Kuala Lumpur.**

1. Maklumat peribadi pemohon

Nama pemohon: _____

No. K/P: _____ Tarikh lahir: _____

Jantina: _____ Pekerjaan: _____

Ahli cawangan/kawasan: _____ No. ahli: _____

Alamat surat menyurat _____

Alamat tetap: _____

No Tel: (P) _____ (R) _____ (H/P) _____

Alamat e-mail: _____

Jumlah pinjaman yang dipohon: _____

Gaji Bulanan: di bawah RM750 RM751—RM1200

RM1201-RM1700 RM1701---RM2500 RM2501 dan ke atas

2. Maklumat peribadi penjamin

Nama penuh penjamin: _____

No. K/ P: _____ Pekerjaan: _____

No Tel: (P) _____ (R) _____ (H/P) _____

Alamat surat menyurat terkini: _____

Hubungan dengan pemohon: _____

3. Maklumat peralatan yang hendak dibeli

Jenis peralatan yang diperlukan: _____

Nama pembekal: _____

Alamat pembekal: _____

Jenama: _____ Model: _____

Keterangan mengenai pekerjaan dan keperluan peralatan yang dipohon:

4. Maklumat majikan

Nama majikan: _____

Alamat majikan: _____

Pengesahan majikan:

Tandatangan pemohon

Tarikh: _____

Tandatangan penjamin

Tarikh: _____

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Diisi oleh Pengerusi Cawangan/Kawasan SBM

Saya mengesahkan bahawa _____ adalah Ahli SBM

Cawangan/Kawasan _____.

Tandatangan

Cop rasmi

Nama penuh: _____ Tarikh: _____

Diisi oleh Pengerusi jawatankuasa pekerjaan SBM

Permohonan ini lulus/tidak lulus dengan jumlah sebanyak RM _____.

Alasan jika tidak diluluskan _____

Tandatangan

Cop rasmi

Nama penuh: _____ Tarikh: _____

Diisi oleh Bendahari Pusat SBM

Bayaran telah dibuat kepada _____ sebanyak RM _____

secara tunai/cek pada _____. No Cek _____

Tandatangan

Cop rasmi

Nama penuh: _____ Tarikh: _____